

07/11/1998

Sidang Apec perlu tumpu masalah ekonomi

PERSIDANGAN Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) minggu depan bukan forum untuk membincangkan isu politik, sebaliknya membicarakan pelbagai perkara mengenai ekonomi. Ini ditegaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada wartawan Tokyo ketika berada di Jepun, bulan lalu. Tambah beliau adalah suatu tragedi jika sidang itu ditukar menjadi suatu forum politik. Sekiranya berlaku demikian, "Banyak masalah akan timbul," katanya lagi.

Walaupun Dr Mahathir tidak berterus-terang, kita faham apa yang dimaksudkannya ialah memberi ingatan yang halus kepada pihak tertentu supaya jangan mencampuri urusan dalaman Malaysia sama ada secara langsung atau tidak ketika persidangan itu.

Kita mengikuti betapa pemimpin Barat, malah pemimpin beberapa negara tetangga membuat kenyataan demi kenyataan mengenai isu bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mana tidak dapat kita terima kerana ia berbentuk campur tangan dalam urusan rumah tangga kita.

Kenyataan Dr Mahathir di Tokyo itu boleh kita anggap sebagai satu peringatan agar sidang Apec kali ini menepati agendanya iaitu membincangkan hanya isu ekonomi semata-mata tanpa menyimpang kepada soal lain yang tidak ada kaitan dengan agendanya yang sebenar.

Kenyataan yang dibuat oleh pemimpin luar negara mengenai isu penahanan Anwar setakat ini menjejaskan imej negara di mata dunia dan menggambarkan seolah-olah Malaysia sebuah negara yang tidak beradab manakala pemimpinnya adalah orang yang gila kuasa hingga sanggup mengkesampingkan nilai kemanusiaan.

Adalah menarik juga kini keadaan agak reda kecuali kerenah media asing yang masih berleluasa nampaknya menjalankan agenda mereka sendiri.

Berita dari Jakarta melaporkan bahawa Presiden Habibie akan menghadiri persidangan itu. Perhubungan Jakarta - Kuala Lumpur sejak akhir-akhir ini jelas kurang selesa. Kunjungan Tun Ghafar Baba ke Jakarta baru-baru ini mencetuskan keributan luar biasa media dan pemimpin di sana. Kenyataan Ghafar ketika di Jakarta dikatakan menghina bangsa Indonesia. Malah Ghafar diminta supaya meninggalkan Indonesia kerana kehadirannya tidak disenangi rakyat Indonesia.

Tidak saja Habibie tetapi Presiden Filipina, Joseph Estrada pada mulanya 'menarik harga' untuk datang ke Kuala Lumpur menghadiri sidang Apec. Beliau membuat beberapa kenyataan membela Anwar sambil membayangkan kemungkinannya tidak akan menyertai sidang itu.

Bagaimanapun Estrada sudah menyatakan keputusannya untuk menghadiri Apec atas dorongan penasihatnya yang menjelaskan setiap kenyataan Estrada mengenai Anwar adalah secara peribadi dan tidak mencerminkan dasar rasmi Kerajaan Filipina.

Persidangan Apec sebenarnya terlalu penting untuk dianggap remeh oleh negara-negara Asean seperti Indonesia dan Filipina yang seperti kita, juga sedang menghadapi kegawatan ekonomi. Apec kali akan disertai Australia, Brunei, Kanada, Chile, Hong Kong, Indonesia, Malaysia, China, Jepun, Mexico, New Zealand, Papua New Guinea, Filipina, Singapura, Korea Selatan, Taiwan, Thailand dan Amerika Syarikat, satu barisan negara maju bersama negara membangun yang berhimpun khusus untuk membicarakan soal ekonomi dunia.

Jawapan Dr Mahathir kepada pertanyaan wartawan Jepun di Tokyo itu bahawa sidang Apec bukan forum politik melainkan forum ekonomi adalah

penjelasannya kepada pertanyaan isu penahanan Anwar mungkin ditimbulkan dalam persidangan itu oleh sesetengah perwakilan.

Jawapan Dr Mahathir berupa penegasannya bahawa Apec bukan forum politik melainkan berupa forum ekonomi dan yang demikian tidaklah wajar isu politik ditimbulkan dalam persidangan itu. Barangkali tidak menjadi hal sekiranya ada wakil yang ingin bertanyakan hal Anwar secara peribadi dan tidak rasmi. Estrada pernah dipetik oleh kantor berita asing sebagai berkata dia berhasrat menemui Anwar ketika berada di Kuala Lumpur. Tetapi ini adalah urusan antara perwakilan diplomatik Filipina dengan Wisma Putra.

Juga tidak menjadi halangan untuk Habibie bertanyakan khabar mengenai Anwar. Tetapi apa yang tidak menepati adab dan rukun sebagai tetangga ialah menjadikan isu Anwar sebagai isu politik dalam persidangan itu kerana hal demikian bererti mencampuri urusan rumahtangga tuan rumah.

Asean memang selamanya tidak mencampuri urusan rumahtangga sesama anggota. Inilah kekuatan dan keutuhan Asean selama ini bahawa setiap anggota menjauhkan diri dari campur tangan urusan tetangganya. Thailand dan Filipina telah menyarankan supaya tradisi ini ditukar dengan membenarkan antara sesama anggota mengkritik satu sama lain.

Tetapi saranan ini ditolak kerana dianggap tidak akan menguntungkan dasar kerjasama sesama anggota Asean. Estrada terpaksa berundur daripada asalnya manakala dia membela Anwar secara terbuka. Kini dia hanya menyatakan bahawa simpatinya kepada Anwar ialah sikapnya yang peribadi.

Bagaimanapun Malaysia masih terus menjadi sasaran media asing termasuk media jiran. Tidak ada tindakan ke atas sebarang wartawan asing setakat ini akibat salah lapor mereka terhadap kejadian di negara ini. Wartawan asing bebas membuat komen dan liputan sekalipun tulisan mereka berat sebelah dan dianggap tidak adil.

(END)